



مجلس باندرای ملاک برسجاره

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA**

RALAT

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan, bertaraf bumiputera** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat tender pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup tender bagi kerja-kerja berkaitan:-

| BUTIR-BUTIR TENDER | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TEMPAT DAN TARIKH TENDER DITUTUP | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | HARGA DOKUMEN TENDER |
|--|--|---|--|----------------------------|--|
| MBMB/T/2022/13 CADANGAN KERJA DAN PENYELENGGARAAN SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) SERTA BERKAITAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH TARIKH KELULUSAN : 4/7/2022 MBMB/JK/00021/73/256 | G4 ; ATAU G5 ; ATAU G6 ; ATAU G7 Kategori ME Pengkhususan E02, E04, E11 & E14 | Melalui : Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Melalui : Email etender@mbmb.gov.my Khamis, 7 Julai 2022 hingga Khamis, 28 Julai 2022 | Serahan tangan : Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos : Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. Khamis, 28 Julai 2022 pada jam 12.00 tengah hari | TIADA | RM250.00 (Naskah) * Tidak akan dikembalikan ----- RM50.00 (Softcopy) * Tidak akan dikembalikan |

Naskah tender boleh disemak di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** pada waktu pejabat bermula **7 Julai 2022**. Bayaran Dokumen Tender hendaklah di buat dalam bentuk **Draf Bank atau Kiriman Wang Pos** di atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Kontraktor dikehendaki membawa salinan asal **Kad Pengenalan, cop syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan malaysia (CIDB) serta satu salinan bagi setiap sijil diatas semasa membeli dokumen tender. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.**

Dokumen tender juga boleh didapatkan secara dalam talian dan dijual kepada Petender yang **LAYAK** dan **LULUS** Saringan Wajib sahaja. Cara pembelian dokumen tender secara dalam talian adalah seperti dibawah :

1. Petender hendaklah menghantar emel bertajuk butir-butir tender dengan memuatnaik dokumen Saringan Wajib seperti salinan **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan malaysia (CIDB) melalui emel etender@mbmb.gov.my
2. Hanya Petender yang **LULUS** Saringan Wajib akan diberikan No. Siri Tender dan No. Bil bagi tujuan pembayaran. Petender hendaklah membuat pembayaran melalui MyFPX MBMB dalam tempoh penjualan tender.
3. Hanya Petender yang telah mengemukakan bukti pembayaran dan telah disahkan oleh Jabatan Kewangan MBMB akan diberikan *softcopy* dokumen tender melalui emel.

Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mbmb.gov.my untuk melihat kenyataan tender ini.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Lobi Jabatan Kewangan,
Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1,
Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka

Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam
Papan-Papan Kenyataan MBMB